



Syurga lebih dekat kepada salah seorang daripada kamu daripada tali sandalnya, dan neraka juga demikian

Daripada Ibn Mas'ud RA, beliau berkata bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: «Syurga lebih dekat kepada salah seorang daripada kamu daripada tali sandalnya, dan neraka juga demikian.»

[صحيح] [رواه البخاري]

Nabi ﷺ telah memberitahu bahawa syurga dan neraka itu dekat dengan manusia, sedekat tali kasut pada kakinya, kerana seseorang itu boleh jadi melakukan suatu ketaatan yang diredai Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Agung yang memasukkannya ke dalam syurga, atau melakukan suatu maksiat yang menjadi sebab dia dimasukkan ke dalam neraka.

<https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/3581>

النجاة الخيرية
ALNAJAT CHARITY

